

# Lebih 80% penduduk Sabah nikmati perkhidmatan YES 4G menjelang akhir tahun

OLEH MARRYAN RAZAN  
marryan@newsabah-times.com.my

**KOTA KINABALU:** YTL Communications Sdn Bhd yakin lebih 80 peratus penduduk di negeri ini akan dapat menikmati liputan dan perkhidmatan rangkaian internet mudah alih keleluhan tinggi Yes 4G menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Eksekutif YTL Communications Datuk Yeoh Soo Keng berkata sehingga kini lebih 60 peratus daripada penduduk di negeri ini menikmati perkhidmatan Yes 4G.

"Bukan sahaja penduduk di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu yang dapat menikmati perkhidmatan internet itu tetapi daerah-daerah lain seperti Kudat, Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Penampang, Putatan, Beaufort dan Sipitang juga kini menikmati perkhidmatan bertaraf dunia itu."

"Malahan, melalui projek i!BestariNet di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, liputan juga telah mencapai kawasan-kawasan sekitar sekolah tertentu seperti di Ranau, Kudat, Kuala Penyu, Kunak dan Semporna."

"Oleh itu kami memberi komitmen tinggi terhadap usaha penambahbaikan perkhidmatan internet kelajuan tinggi 4G yang berterusan,"



LANCAR YES 4G ... Musa (tengah), Soon Keng (tiga dari kanan), Yeoh (tiga dari kiri), Jame (dua dari kiri) dan Mohd Harun (kiri sekali) ketika melancarkan Yes 4G.

katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara YTL Communications Sdn.Bhd dan Unviersiti Malaysia Sabah (UMS), di Auditorium Pasca Siswazah UMS, kelmarin.

Majlis menandatangani itu disaksikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman dan Pengurus YTL

Corporation Berhad Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Yeoh Tiong Lay. YTL Communication diwakili Soon Keng, manakala UMS diwakili oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr.Mohd Harun Abdullah.

Soo Keng berkata, MoU itu adalah langkah pertama dalam jangka panjang untuk memacu transformasi sistem pendidikan nasional ke arah bertaraf dunia.

"Melalui perjanjian perse-

fahaman itu, para pelajar UMS akan dapat menikmati akses internet mudah alih untuk kemudahan pembelajaran yang lebih canggih di kampus itu."

"Kami percaya ia akan mampu membina satu generasi baru yang progresif, inovatif dan mahir dalam penggunaan teknologi, yang berupaya membawa satu impak positif kepada pembangunan Sabah dan negara," katanya.